



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28/07/2014

Nostalgia Syawal Che Det

(BH - 28/7/14) ①

Oleh Nor Affizar Ibrahim dan
Nor Afzan Mohamad Yusof
bhnita@bh.com.my

» Bagi Tun Mahathir Mohamad dan isteri, raya dulu dan sekarang banyak berbeza

Kisah dan pengalamannya memang sudah lama berlalu, tetapi ingatannya tetap segar apabila memutar kisah silam. Lebih-lebih lagi, terlalu banyak detik dan kenangan indah dilakarkan.

Sememangnya, sambutan hari raya pada masa kini jauh bezanya dengan dulu. Justeru, tidak hairan apabila mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, 89, menganggap sambutan hari raya pada zaman dulu sebagai *sense of wonder*.

Kemeriahan sambutan hanya tinggal kenangan, keseronokan menyambut 1 Syawal sentiasa

bermain dalam fikiran sekali gus menggamit rindu pada kenangan zaman kecil Dr Mahathir sewaktu di Alor Setar, Kedah.

Katanya, hari raya sangat istimewa kerana ia disambut setahun sekali. Ketika zaman kanak-kanaknya, setahun sekali itu jugalah dapat merasakan baju baharu. Begitu juga kasut dan kopiah.

"Raya dulu adalah suatu hari luar biasa. Sekarang tidak kerana sepanjang tahun, ada saja peristiwa. Oleh yang demikian, kini ramai tidak begitu menghargai hari raya kerana ia bukan istimewa macam dulu, sesuatu yang dinantikan. Macam saya dulu, kena tunggu setahun sekali, boleh dapat baju baharu. Itu pun hanya sehelai. Begitu juga kopiah, kadang-kadang sudah sampai hilang baldu, masih terus pakai," katanya sambil dibalas senyuman isterinya, Tun Dr

Siti Hasmah Mohd Ali, 88, yang berada di sisi ketika sesi temu ramah diadakan, baru-baru ini.

Tanglung penyeri hari raya

Kenangan lain paling tidak dilupakan Dr Mahathir ialah membuat tanglung Jepun untuk dijadikan sebahagian dekorasi rumah.

Katanya, menghias rumah aktiviti wajib yang dilakukan setiap kali menyambut hari raya. Lazimnya, beliau dan adik-beradiknya ditugaskan membuat tanglung berkenaan untuk dijadikan sebahagian hiasan rumah.

Zaman dulu, tidak ada bekalan elektrik, lantas tanglung digantung untuk menerangi segenap kawasan termasuk denai jalanan kampung pada waktu malam hari adalah suatu kemestian bagi setiap rumah.

"Tanglung ini ada banyak bentuk. Saya buat tanglung berbentuk bintang dengan lima penjuru, ia mudah dihasilkan. Saya buat sendiri di rumah, malah satu kampung sebenarnya amalkan pasang tanglung sebagai dekorasi rumah. Sekarang tak ada lagi yang pa-

sang," katanya.

Dr Mahathir berkata, tanglung berbentuk bintang lima penjuru dan pelbagai saiz itu diperbuat daripada kertas nipis, sama seperti yang digunakan untuk membuat layang-layang yang disatukan dengan buluh sudah diraut.


"Senang saja cara membuatnya. Malah, sekarang kalau suruh buat, saya masih boleh membuatnya," katanya.

Ceritanya, dulu di kampung sangat gelap dan tiada lampu jalan. Waktu senja kala amat ditakuti kanak-kanak dan setiap kali tiba waktu itu, semua naik ke rumah, tutup pintu dan tingkap. Bagaimanapun, suasana itu berubah dan berbeza apabila tiba hari raya.

"Tanglung yang dipasang di persekitaran rumah menjadikan waktu malam cerah. Tingkap dan pintu boleh dibuka. Kami bebas dan boleh turun ke bawah rumah, walaupun sudah malam. Pada hari biasa, semua itu tidak berlaku. Itulah menyebabkan hari raya itu lebih meriah dan berbeza daripada hari biasa," katanya. **• Muka 7**



Kenangan rumah terbuka ketika menjadi perdana menteri.



“Raya dulu adalah suatu hari luar biasa. Sekarang tidak kerana sepanjang tahun ada saja peristiwa. Oleh yang demikian, kini ramai tidak begitu menghargai hari raya kerana ia bukan istimewa macam dulu”

Dr Mahathir Mohamad,
Mantan Perdana Menteri